

Bincang sebelum keluar zakat untuk pelarian Rohingya

SINAR HARIAN (NASIONAL) 2 JUN 2015 m/s 8

KUANTAN - Pihak atau badan korporat yang bercadang untuk memberikan zakat kepada pelarian Rohingya digalakkan berbincang terlebih dahulu dengan pihak pentadbir bagi proses pengagihannya.

Mufti Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Othman berkata, wang zakat yang diserahkan boleh digunakan untuk membantu pelarian Rohingya kerana mereka juga termasuk dalam golongan asnaf yang berhak.

"Golongan tersebut yang juga dikategorikan sebagai riqab yang ber-

maksud sebagai golongan terbelenggu dan tiada kebebasan diri berhak terhadap wang zakat.

"Kini golongan riqab boleh digunakan kepada pelarian tersebut kerana mereka juga tertindas sekali gus menerima tekanan daripada pemerintah negara.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menjadi panel Persidangan Zakat dalam Pembangunan peringkat kebangsaan 2015 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

Menurutnya, pemberian tersebut ti-

dak digalakkan diberi terus kepada mereka tetapi melalui saluran yang betul dan tepat.

"Dalam hal ini tidak salah mereka menerima wang zakat memandangkan mereka juga boleh dikategorikan sebagai asnaf miskin namun pemberian tersebut perlulah melalui pentadbir dan bukan secara terus kepada mereka.

"Kita perlu memberikan wang zakat tersebut kepada mereka yang memerlukan dan kerana itu mereka perlulah melalui majlis agama Islam," katanya.